

# GSM-UPM terpilih 'Malaysia's Top Business School'

Pengiktirafan pemangkin untuk bersaing  
lebih cemerlang di peringkat global



BARISAN pengurusan berkaliber meneraiui GSM-UPM



**“** GSM seiring dengan wawasan UPM yang sentiasa berusaha untuk melahirkan graduan terbaik kerana hanya yang terbaik berupaya untuk memimpin, bukan dipimpin dan yang cemerlang akan sentiasa cemerlang, bukan untuk dikalahkan...”

**Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah**

Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia



**“** GSM menyaksikan kelahiran sarjana bertaraf dunia, berkaliber dan mahir dalam pelbagai aspek, selari dengan wawasannya menjadi peneraju Sekolah Pengurusan bagi memenuhi ekspektasi global”

**Prof Dr Samsinar Md Sidin**

Dekan Sekolah Pengurusan Siswazah

**P**ENGIKTIRAFAN Sekolah Pengurusan Siswazah (GSM) Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai satu daripada Malaysia's Top Business Schools (MTBS) meletakkan UPM sebagai institusi pengajian pengurusan terulung di negara ini.

Pengiktirafan itu sekaligus merencanakan program pengantarabangsaan pengajian tinggi negara dan memperkukuhkan jenama GSM-UPM untuk bersaing dengan Institusi Pengajian Tinggi tersohor di peringkat global.

Sehubungan itu program pasca siswazah yang ditawarkan oleh GSM-UPM akan menjadi penanda aras oleh pelbagai IPT.

GSM-UPM akan terus memperkasakan program pengajiannya supaya lebih relevan dan kompetitif bukan saja untuk pasaran negara tetapi melangkaui pasaran guna tenaga antarabangsa,

Menerusi pengiktirafan berprestij itu, GSM-UPM diberi tanggungjawab besar oleh kerajaan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memperkukuh dan mempertingkatkan daya saingnya dalam melatih pengurus dan pemimpin berwibawa bagi menerajui organisasi perniagaan, ekonomi dan pengajian tinggi dalam disiplin pengurusan di Malaysia dan rantau Asia.

Bermula 1997 hingga 2007, GSM-UPM melahirkan seramai 1,975 graduan dengan 1,416 adalah graduan Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA), 426 mendapat Master Pengurusan, 84 Master Sains dan 49 adalah Doktor Falsafah.

Kejayaan GSM-UPM meraih pengiktirafan MTBS seharusnya menjadi contoh kepada IPT lain dalam membentuk kecemerlangan sesuatu bidang pengajian tinggi khususnya dalam bidang pengurusan.

Sejak penubuhannya pada 1997, GSM-UPM terus membentuk perancangan strategik terutama dalam memastikan program pasca siswazah mendapat tempat di kalangan profesional, pelajar dan juga ahli sarjana antarabangsa.

Kualiti program penga-

jian, tenaga kepakaran dan sumber manusia yang berdaya saing serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi perkembangan pelbagai sektor perniagaan semasa berjaya menarik minat profesional dan juga pelajar antarabangsa untuk mendalami disiplin pengurusan di institusi ini.

Dengan pelan perancangan strategik dan dilihat sebagai sangat berpotensi untuk bersaing dengan institusi ternama di pentas global, ternyata GSM-UPM adalah pilihan tepat apabila dipilih sebagai salah sebuah MTBS.

MTBS bukan sekadar pengiktirafan tetapi adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pengajian Tinggi untuk memperkasakan sektor pengajian tinggi khususnya menjurus kepada penawaran program pengajian dalam bidang pengurusan bertaraf antarabangsa.

Bertanggungjawab sebagai salah sebuah MTBS, GSM-UPM bukan saja menjalinkan hubungan lebih akrab dengan universiti atau sekolah pengurusan perniagaan terkemuka seperti Babson College (Entrepreneurship), Kellogg School of Management, Northwestern University di Amerika Syarikat.

Kerjasama turut dijalinakan bersama University of Stirling dan Readings di UK, RMIT, University of Melbourne dan Monash University di Australia dan GSM-UPM akan terus meluaskan usaha untuk bersaing dengan harapan dapat berdiri sama tinggi dengan institusi berkenaan.

Sejak ditubuhkan pada



**KAEDAH pengajaran di GSM-UPM mengadaptasi cara Student Centred Learning.**

1997, GSM-UPM terus menunjukkan kecemerlangan dan berjaya menempatkan institusi ini sebagai sekolah pengajian pengurusan tersohor.

Sekiranya ahli profesional atau pelajar ingin mendalami ilmu pengurusan dan perniagaan, GSM-UPM adalah destinasiya.

GSM-UPM bukan saja mempunyai ramai pakar yang memiliki latar belakang akademik cemerlang dalam disiplin pengurusan dan perniagaan sebaliknya suasana pembelajaran kondusif.

Kaedah pengajaran yang mengadaptasi cara Pembelajaran Berdasarkan Pelajar (Student-Centred Learning), Pembelajaran Berdasarkan Masalah (Problem Based Learning), Pembelajaran Berdasarkan Projek, Kajian Kes dan Experiential Learning menjadi daya tarikan dan kekuatan program pasca siswazah yang ditawarkan oleh GSM-UPM.

Selain daripada sistem

pentadbiran dan pengurusan berkualiti, program pasca siswazah yang ditawarkan oleh GSM-UPM diyakini dapat mencapai standard antarabangsa menerusi perancangan strategik dan berupaya menarik perhatian tenaga sarjana dari luar negara.

Program sarjana dan sumber kepakaran GSM-UPM juga menjadi model sekolah terbaik dalam menawarkan program pengajian pengurusan.

Program pengajian dan model GSM-UPM dilihat berupaya melahirkan dan membangunkan modal insan yang proaktif sebagai penyelesaian masalah, melahirkan pelajar yang berdaya fikir dengan kemahiran kritikal dan analitikal, berdaya saing dan membentuk pemimpin organisasi yang berpengetahuan.

MTBS adalah suatu pengiktirafan berprestij yang diberikan oleh kerajaan kepada IPT yang menunjukkan keceMERLANGAN dalam pengajian

pengurusan yang berupaya saing di persada antarabangsa dan menawarkan program pengajian setanding dengan IPT bertaraf global sekali gus memastikan Malaysia mencapai matlamat dalam sektor pengajian tinggi.

Maklumat lanjut, layari laman web [www.gsm.upm.edu.my](http://www.gsm.upm.edu.my).

**PROGRAM YANG DITAWARKAN DI GSM-UPM**

**PhD**  
(Pengkhususan: Pengurusan, Pemasaran, Kewangan, Perakaunan, Pengurusan Sumber Manusia, Undang-undang Perniagaan)

**Master Pengurusan (Teknologi Maklumat)**  
Master Pentadbiran Perniagaan  
(Pengkhususan: Kewangan, Pemasaran, Pengurusan Sumber Manusia, Perniagaan Antarabangsa, Pengurusan, Urus Tadbir Korporat)

**Master Sains**  
(Pengkhususan: Pengurusan, Pemasaran, Kewangan, Perakaunan, Pengurusan Sumber Manusia)



**GSM-UPM menawarkan perkhidmatan berkualiti dan mesra pelajar.**



**GSM-UPM menjadi destinasi pilihan pengajian pengurusan pelajar tempatan dan antarabangsa.**